

# Pensyarah kaji risiko pemotong rumput terima anugerah

**Batu Pahat :** Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) semakin dikenali di peringkat antarabangsa apabila salah seorang pensyarahnya bakal menerima anugerah Young Investigators Award di Fukuoka, Jepun pada 3 September ini.

Menerusi penyelidikan bertajuk 'Hand Arm Vibration Syndrome Among Hand Held Grass Cutter Workers in Malaysia', tutor daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), Nor Azali Azmir terpilih untuk menerima anugerah berkenaan.

Nor Azali berkata, subjek kajian beliau memfokuskan kepada golongan pemotong rumput yang sentiasa terdedah kepada getaran tangan yang tinggi ketika bekerja.

"Hasil kajian mendapati terdapat tanda bahawa mereka akan mengalami hilang upaya di tangan dan lengan akibat terdedah kepada getaran mesin pemotong rumput.

"Penyiasatan ini juga mendedahkan bahawa pekerja pemotong rumput di Malaysia mempunyai risiko tinggi untuk mengalami Hand Arm Vibration Syndrome (HAVS)," katanya kepada Harian Metro di sini.

Young Investigators Award adalah anugerah yang diberikan kepada penyelidik muda sempena The Asian Association for



**NOR Azali**

Occupational Health (AAOH) yang juga adalah forum antarabangsa untuk membincangkan isu berkaitan kemalangan industri dan penyakit dalam sektor pekerjaan.

Menurut Nor Azali, beliau amat bersyukur dengan penganugerahan berkenaan dan berharap penyelidikan dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSH) lebih giat dijalankan di negara ini.

"Anugerah ini memberi semangat kepada saya untuk terus terbabit dalam penyelidikan membabitkan keselamatan di tempat kerja.

"Di samping itu dapat membantu meningkatkan ekonomi dan produktiviti negara serta mewujudkan suasana kerja yang selamat seiring dengan slogan Keselamatan Diutamakan," katanya.